11. Akmal dan Amira telah menubuhkan perkongsian Double A. Mereka telah berkongsi untung rugi dengan nisbah 4:1. Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015.

Perkongsian Double A
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Muhibah			40,000
Premis			250,000
Kenderaan			76,000
Loji dan Peralatan			80,000
Lengkapan dan Lekapan			24,000
Aset Semasa			
Inventori		25,000	
Akaun Belum Terima		38,000	
Bank		15,000	
		78,000	
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	30,000		
Pinjaman	12,000	42,000	
Aset Semasa Bersih			36,000
			506,000
Dibiayai oleh:			
Akaun Modal : Akmal		320,000	
Amira		180,000	500,000
		2,000	
Akaun Semasa: Akmal			
Amira		4,000	6,000
			506,000

Akmal dan Amira bersetuju bahawa mulai pada 1 Januari 2016, nisbah untung dan rugi ialah 3:1. Mereka juga bersetuju bahawa aset-aset berikut akan dinilai semula. Muhibah tidak akan kekal di dalam buku perkongsian.

	RM
Premis	280,000
Kenderaan	68,000
Lekapan dan Lengkapan	20,000
Inventori	23,800
Muhibah	88,000

*Muhibah dibuat pelarasan ke atas ak modal.

Dikehendaki:

Sediakan Akaun Penilaian Semula, Akaun Muhibah, dan Akaun Modal rakan kongsi pada 1 Januari 2016.

LIVEWORKSHEETS

Akaun Penilaian Semula

Kenderaan			Premis	
Lekapan dan Lengkapan				
Inventori				
Modal: Akmal	13,440			
: Amira	3,360			
		30,000		30,000

Akaun Muhibah

Baki b/b			Modal Akmal	
Modal:Akmal			Modal Amira	
Amira				
		88,000		88,000

Akaun Modal Rakan Kongsi

	Akmal	Amira		Akmal	Amira
Muhibah			Baki h/b	320,000	180,000
Baki h/b	305,840	170,960	Muhibah		
			Penilaian Semula		
	371,840	192,960		371,840	192,960

LIVEWORKSHEETS